

D767

U B189 DEB  
UUM - MAHATHIR

JITRA, 15 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU BERPUASHATI DENGAN PERKEMBANGAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM).

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN LAWATAN SINGKAT KE KAMPUS UUM DEKAT SINI HARI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENGADAKAN PERTEMUAN TERTUTUP BERASINGAN DENGAN PARA ANGGOTA MAJLIS PERSATUAN PELAJAR UUM (MPP) DAN PARA PEGAWAI UUM.

BELIAU YANG DIIRINGI OLEH NAIB CANSOLOR UUM, PROF. DATUK DR AWANG HAD SALLEH TURUT MENYAKSIKAN LATIHAN TAHUNAN OLEH 208 ANGGOTA PASUKAN LATIHAN PEGAWAI SIMPANAN (PALAPES) YANG SEDANG MENJALANI LATIHAN SELAMA DUA MINGGU DI UNIVERSITI ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENANAM SEBATANG POKOK +SEMARAK API+ DI PERKARANGAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI ITU SEBAGAI TANDA LAWATANNYA KE KAMPUS ITU.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR, DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF DAN PARA ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI.

KALI PERTAMA PERDANA MENTERI MELAWAT UUM IALAH PADA 1983 SEMASA KERJA-KERJA MERATAKAN TAPAK KAMPUS SEMENTARANYA ITU DIJALANKAN. TAPAK TETAP UUM AKAN DIBINA DI SINTOK, CHANELUN, 25 KM. DARI SINI TIDAK LAMA LAGI. -- BERNAMA.

1742MST 15 11 85